

# Kecenderungan Pelajar terhadap Keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2

**BITARA**Volume 1, Issue 3, 2018: 031-042  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Students' Inclination towards Entrepreneurship at Segamat 2 Community College

Amier Hafizun Ab Rashid,<sup>1</sup> Datin Sakinah Mupit<sup>1</sup> & Mohamad Afdzam Rahim<sup>1</sup>

### Abstrak

Kajian kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan perlu diteruskan dalam memastikan keberkesanan faktor-faktor yang terlibat dalam menjadi pendorong terhadap pembabitan pelajar dalam bidang keusahawanan. Pelajar yang memulakan perniagaan lebih awal semasa di alam kampus berpotensi untuk memposisikan perniagaannya sebagai kerjaya pilihan bahkan boleh meningkatkan taraf ekonomi negara dengan cara menyumbang dari sudut pendapatan dan menawarkan peluang pekerjaan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan di kalangan pelajar semester akhir (semester 4) Kolej Komuniti Segamat 2. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Keseluruhan 36 pelajar semester akhir di Kolej Komuniti Segamat 2 terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan adalah terdorong oleh faktor motivasi dan kurikulum. Selain itu, pensyarah juga bertindak sebagai pemangkin yang dapat memupuk minat pelajar serta kurikulum yang dibekalkan seperti modul Keusahawanan, *Digital Entrepreneurship* dan Pembangunan Perniagaan berjaya dalam merealisasikan pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar bumiputera.

### Kata Kunci

kecenderungan, Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2), keusahawanan.

### Abstract

The research of students' tendency towards entrepreneurship will be conducted to assess the viability of the factors involved in motivating entrepreneurship students. Students who start their business early on campus have the opportunity to place their business as a profession of choice and can also boost the economic status of the country by contributing to income and providing job opportunities. The goal of this study is to identify the inclination of students towards entrepreneurship in the final semester (Semester 4) of Segamat 2 Community College. The study is descriptive and uses the survey method. The survey was performed using the questionnaire form to collect information on the sample. A total of 36 final semester students at Segamat 2 Community College participated in this study. The results indicate that student attitudes towards entrepreneurship are motivated by motivational and curriculum factors. In addition, lecturers also serve as catalysts to stimulate student interest and the curriculum offered, such as the Entrepreneurship Module, Digital Entrepreneurship and Business Development, succeeds in developing a culture of entrepreneurship among Bumiputera students.

### Keywords

tendency, Segamat Community College 2 (KKS2), entrepreneurship.

<sup>1</sup> Kolej Komuniti Segamat 2, Johor, Malaysia.

### Corresponding Author:

AMIER HAFIZUN AB RASHID, Kolej Komuniti Segamat 2, Johor, Malaysia.  
E-mail: amier.kklej@gmail.com

**Cite This Article:**

Amier Hafizun Ab Rashid, Datin Sakinah Mupit & Mohamad Afdzam Rahim. 2018. Kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(3): 031-042.

## Pengenalan

Bidang keusahawanan kini merupakan salah satu bidang yang penting dalam industri Malaysia. Pendapatannya turut menyumbang kepada pembangunan negara. Peranan keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan negara dari segi ekonomi khususnya bahkan ia juga melibatkan kepada struktur perniagaan dan masyarakat. Keusahawanan merupakan satu bidang yang semakin diminati di Malaysia. Ianya mampu untuk memberikan kemewahan dan kejayaan kepada individu yang terlibat. Pada Tahun 2010, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti telah melancarkan program keusahawanan yang mana ianya bertujuan untuk membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar.

Setiap tahun minat untuk mengembangkan dan membangunkan bidang keusahawanan semakin meningkat dan ia menunjukkan suatu perkembangan yang positif. Alvarez (1996) dalam Zafir et al. (2003), menyatakan bahawa “Demam Keusahawanan” bermula pada pertengahan 1980an, perkembangan bidang keusahawanan telah bergerak dengan begitu pantas, yang mana ia bukan sahaja tertumpu kepada sesebuah negara tetapi telah berkembang ke seluruh pelusuk dunia serta telah mengubah pemikiran dan orientasi kehidupan masyarakat terhadap aktiviti perniagaan dan seterusnya telah meningkatkan tahap pembangunan sesebuah negara.

Kemerdekaan dan sistem pendidikan selepas itu telah banyak mengubah corak pemikiran masyarakat Malaysia dan telah membawa kepada perubahan. Keusahawanan mula mendapat tempat di Malaysia bermula setelah penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 hasil cetusan idea Tun Abd. Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, ramai bumiputera khususnya orang Melayu cuba untuk menceburi bidang keusahawanan. Melalui DEB, lahirlah golongan usahawan Melayu yang boleh dikatakan hebat dan berjaya.

Visi Kolej komuniti adalah untuk menjadi penggerak utama pembangunan keusahawanan di kolej komuniti dan misi adalah untuk melahirkan usahawan yang mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran teknikal selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Senario sekarang memaparkan keusahawanan dimonopoli oleh bukan bumiputera. Persoalan yang wujud adakah golongan pelajar lepasan Kolej Komuniti ini berpotensi untuk menjadi usahawan yang berjaya.

## Kajian Literatur

Menurut Mohd. Yusop, Ahmad dan Sarebah (2001), dalam kertas keijabertajuk "Kesediaan Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Menceburi Bidang Keusahawanan; Satu Kajian Kes", menyatakan bahawa sebanyak 80 peratus dari responden kajian tidak mempunyai keyakinan untuk menjadi usahawan berjaya. Oleh itu matlamat utama kajian ini adalah supaya motivasi

keusahawanan yang diperkenalkan dapat menimbulkan minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya menanam keyakinan diri untuk menjadi seorang usahawan. Di samping itu kajian ini juga dijalankan untuk meningkatkan tahap keyakinan pelajar bagi menceburi bidang keusahawanan ataupun mahu menjadi usahawan kelak. Pendidikan keusahawanan yang khusus dalam sesuatu bidang itu akan membantu melahirkan seorang usahawan terutamanya pendidikan Teknikal dan Vokasional, kerana ini bukan sahaja melatih tenaga kerja mahir dan separa mahir tetapi juga mampu mendorong minat para pelajar menjadi usahawan.

Berdasarkan dapatan kajian oleh Mohammad Kamaluddin et al. (1985), mendapati bahawa graduan kejuruteraan Universiti Teknologi Mara (UiTM) lebih cenderung untuk bekerja dengan organisasi-organisasi sedia ada berbanding dengan melibatkan diri sebagai seorang usahawan. Keadaan ini juga berlaku kepada sebilangan besar graduan kejuruteraan KUiTTHO. Steward dan Boyd (dalam Zaidatol Akmaliah 1993) melaporkan satu hasil penyelidikan yang menunjukkan bahawa 50% daripada usahawan-usahawan yang memulakan perniagaan adalah terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengalaman. Bukti juga telah mendapati bahawa selain faktor-faktor motivasi, modal dan lokasi, pendidikan formal dalam keusahawanan akan membantu seseorang untuk memulakan perniagaan.

Khairuddin (1996) menyatakan bahawa bidang keusahawanan telah dijadikan sebagai pilihan terakhir atau pekerjaan sementara sahaja. Ini bermakna bidang keusahawanan dipilih setelah gagal mendapatkan pekerjaan lain yang dianggap lebih stabil dan membanggakan. Situasi ini ternyata tidak selaras dengan kehendak dan cabaran yang wujud dewasa ini. Henderson dan Robertson (1999), berpendapat bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar mempengaruhi pemilihan kerjaya. Di samping itu, mereka juga berpendapat pengaruh sekeliling seperti guru, ibu bapa, rakan-rakan dan persekitaran juga turut menyumbang ke arah pemilihan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya bagi golongan muda.

## **Pernyataan Masalah**

Pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Segamat 2 dilihat selalu mengikuti aktiviti dan program keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak kolej mahupun agensi luar daripada kolej. Antara contoh aktiviti dan program keusahawanan tersebut adalah Seminar, Karnival, Cabaran Perniagaan, Bengkel Keusahawanan dan Aktiviti Jualan. Berdasarkan pemerhatian penyelidik di dapati bahawa terdapat pelajar yang amat berminat dengan aktiviti dan program keusahawanan tersebut. Berdasarkan maklum balas dari data alumni KKS2, bidang keusahawanan bukan menjadi pilihan utama pelajar sebagai kerjaya mereka. Ianya mungkin disebabkan oleh kurangnya keberkesanan dalam konteks pendedahan dan pembudayaan keusahawanan terhadap pelajar dan kurangnya tindakan mendapatkan maklum balas dari pelajar berkaitan bidang keusahawanan. Disebabkan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada kecenderungan pelajar semester akhir terhadap keusahawanan.

## **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian adalah:

1. Mengenal pasti faktor motivasi yang mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
2. Mengenal pasti faktor kurikulum keusahawanan mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.
3. Mengenal pasti faktor pengetahuan persekitaran, rakan sebaya dan keluarga yang dapat merangsang minat pelajar terhadap keusahawanan.

## **Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan ke atas pelajar-pelajar semester tiga (4) Kolej Komuniti Segamat 2, Johor sahaja. Aspek kajian yang dipilih adalah terbatas kepada faktor motivasi pelajar, kurikulum, pengetahuan yang juga turut merangkumi peranan pensyarah dalam mendorong minat terhadap keusahawanan, suasana persekitaran, pihak keluarga serta rakan sebaya. Oleh yang demikian, kemungkinan keputusan kajian adalah terbatas dan tidak boleh digunakan untuk mewakili semua Kolej Komuniti di Malaysia.

## **Kepentingan Kajian**

### **a. Perancang dan Penggubal Kurikulum**

Dapatan kajian diharap boleh menjadi panduan kepada perancang dan penggubal kurikulum dalam pengubahsuaian kurikulum dan program pendidikan keusahawanan di dalam kurikulum sekolah atau pusat-pusat pengajian tinggi. Kajian ini diharap dapat membantu perancang dan penggubal dalam memantapkan lagi isi kandungan sukatan pelajaran yang mengandungi unsur-unsur keusahawanan dalam usaha memupuk minat pelajar-pelajar ke arah bidang tersebut.

### **b. Pensyarah, Pegawai Keusahawanan dan Pentadbir Kolej**

Pentadbir Kolej dan Pensyarah dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai sumber dalam merancang strategik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Aktiviti-aktiviti ko-kurikulum juga dapat disusun dan diuruskan secara jelas ke arah penerapan unsur-unsur keusahawanan agar pelajar-pelajar terdidik dalam bidang berkenaan.

### **c. Ibu Bapa dan Penjaga**

Kepada ibu bapa dan penjaga juga diharap dapat menjadikan dapatan hasil kajian ini sebagai rujukan dan panduan dalam mendidik dan memupuk minat anak-anak terhadap kerjaya keusahawanan seterusnya membuka minda anak-anak ke arah keusahawanan kerana

keusahawanan dapat menjadikan mereka manusia yang sanggup menerima cabaran, berfikiran luas dan sentiasa berusaha.

#### d. Pelajar

Melalui kajian yang dijalankan ini, ia akan menjadi salah satu sumber yang akan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kepentingan keusahawanan dalam membangunkan negara dan kelebihan yang bakal mereka peroleh sekiranya mereka berkecimpung dalam bidang ini. Selain itu, pengkhususan dan kepakaran yang diperoleh dalam sesuatu bidang semasa pengajian kadangkala tidak dapat menjamin seseorang itu mendapat kerjaya yang diidamkan. Oleh yang demikian, ciri-ciri keusahawanan harus disemai dalam kehidupan pelajar dan apa yang paling utama mereka seharusnya memperoleh kemahiran dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan kerana ia merupakan bidang kerjaya yang mempunyai prospek yang cerah pada masa akan datang.

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada pelajar. Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk dijawab oleh responden. Soal selidik merupakan satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji dalam menjalankan kajian kerana kualiti soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan secara keseluruhannya. Data maklumat kajian ini diperoleh daripada borang soal selidik yang merangkumi soalan-soalan yang telah difokuskan jawapannya. Ini memudahkan responden untuk menjawab soalan. Set borang soal selidik yang diberikan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

**Bahagian A** mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat peribadi responden dan **Bahagian B** pula ialah Likert dalam (Ary et al. 1985) telah mencadangkan penggunaan satu set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi, isu atau aktiviti. Subjek menunjukkan sama ada mereka sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju atau sangat tidak setuju terhadap setiap kenyataan yang mengukur sikap (Mohd Majid 1993). Dalam kajian ini, item-item diukur menggunakan Skala Likert. Setiap soalan disediakan lima cadangan jawapan. Responden hanya perlu menyatakan setuju atau tidak terhadap item-item dengan menanda pada skor yang diberikan di penghujung setiap item. Pengkelasan Skala Likert ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pengkelasan Skala Likert


Skor	Jawapan Responden
5	Sangat Setuju (ST)
4	Setuju (S)
3	Tidak Pasti (TP)
2	Tidak Setuju (TS)
1	Sangat Tidak Setuju (STS)

## Populasi dan Sampel

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Melalui populasi bidang masalah yang perlu dikaji dapat ditentukan. Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain (Mohd Majid 1993). Menurut Azizi et al. (2007), sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Populasi bagi kajian ini adalah Pelajar-pelajar semester tiga (3) Kolej Komuniti Segamat 2, Johor. Dalam kajian ini, sampel yang terlibat adalah terdiri daripada Pelajar Program Teknologi elektrik (SKE), Program Pelukis Pelan Senibina (SPS), Program Sistem Teknologi Maklumat (STM) dan Program Teknologi Solar Fotovoltan (DTS) iaitu seramai 36 orang. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan sampel kajian yang diambil oleh pengkaji adalah seramai 36 orang juga. Jadual 2 menunjukkan taburan responden kajian mengikut kos atau program yang terdapat di Kolej Komuniti Segamat 2 bagi sesi Julai 2018.

Jadual 2 Taburan Responden Kajian Mengikut Program

<i>Course</i>	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>
SKE	17	47.2	47.2
SPS	12	33.3	33.3
STM	2	5.6	5.6
DTS	5	13.9	13.9
Total	36	100.0	100.0



Rajah 1 Responden Kajian Mengikut Program

Jadual 3 Jadual Pembolehubah

Soalan Kajian	Pembolehubah	Jumlah Item	Nombor Item
Apakah faktor Inovasi yang mendorong pelajar terhadap bidang keusahawanan	Motivasi	6	1-6
Apakah kemahiran keusahawanan yang dipelajari mendorong kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan	Kurikulum	6	7-12

Apakah pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan	Pengetahuan	5	13-17
--	-------------	---	-------

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :, (1) Motivasi (2 ) Kurikulum dan (3) Pengetahuan Keusahawanan


Jadual 4 *Descriptive Statistics*

Motivasi	Jum. Pelajar	Min
Sokongan daripada pensyarah	36	4.2778
Sebagai kerja sampingan	36	4.0556
Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang Keusahawanan	36	4.0000
Ahli keluarga mendorong saya untuk menceburi bidang keusahawanan	36	4.0556
Dasar kerajaan yang memberikan bantuan kepada usahawan	36	3.4722
Rangsangan daripada kejayaan orang lain	36	4.2778
<b>Kurikulum</b>		
Saya faham isi kandungan yang diajar dalam Modul Keusahawanan dan subjek yang berkaitan	36	4.1389
Saya dapat mengikuti aktiviti keusahawanan yang diarahkan oleh pensyarah dengan baik	36	4.2778
Saya dapat mengingat teori dan amali dalam keusahawanan dengan baik	36	3.8889
Saya suka belajar Subjek keusahawanan	36	4.0833
Saya bersungguh melaksanakan projek Usahawan yang di arahkan	36	4.2222
Kandungan topik dalam modul keusahawanan sangat sesuai	36	4.2500
<b>Pengetahuan</b>		
Saya mempunyai kemahiran dalam bidang perniagaan/keusahawanan	36	3.8333
Saya menghadiri kursus, seminar dan latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam mengurus perniagaan	36	3.9722
Saya mempunyai pengalaman dalam perniagaan	36	3.6667
Saya sering membaca bahan-bahan berkaitan keusahawanan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam perniagaan.	36	3.5833
Saya menerima latihan / kursus tentang perniagaan / keusahawanan	36	3.9167

## 1. Faktor Motivasi

Jadual 5 Motivasi1 Sokongan daripada pensyarah

		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>
Valid	Tidak Setuju	1	2.8	2.8
	Kurang Setuju	4	11.1	11.1
	Setuju	15	41.7	41.7
	Sangat Setuju	16	44.4	44.4
	Total	36	100.0	100.0




Rajah 2 Min Sokongan Pensyarah terhadap Kecenderungan Pelajar

Jadual 6 Motivasi (6) Rangsangan daripada kejayaan orang lain

		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>
Valid	Kurang Setuju	5	13.9	13.9
	Setuju	16	44.4	44.4
	Sangat Setuju	15	41.7	41.7
	Total	36	100.0	100.0

Merujuk kepada Jadual 6 di atas, seramai 16 orang atau 44.4 % pelajar bersetuju dan 41.7% sangat bersetuju bahawa mereka berminat atau cenderung dengan bidang keusahawanan adalah dari rangsangan hasil kejayaan usahawan di luar. Hanya 13.9% sahaja atau 5 responden yang kurang setuju dengan kejayaan usahawan lain yang mendorong mereka dalam bidang keusahawanan.



Rajah 3 Rangsangan daripada kejayaan orang lain



## 2. Faktor Kurikulum


Jadual 7 Kurikulum 6 Kesesuaian Kandungan topik

		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>
Valid	Kurang Setuju	4	11.1	11.1
	Setuju	19	52.8	52.8
	Sangat Setuju	13	36.1	36.1
	Total	36	100.0	100.0

Merujuk kepada Jadual 7 di atas, seramai 19 orang atau 52.8 % pelajar bersetuju dan 36.1% sangat bersetuju bahawa mereka faham dan boleh mengikuti kandungan yang diajar dalam Modul Keusahawanan dan subjek yang berkaitan. Hanya 11.1% sahaja yang kurang setuju dengan kandungan topik dalam modul berkaitan mendorong mereka dalam keusahawanan. Secara purata taburan peratusan responden yang menyokong bahawa faktor kurikulum mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah pada tahap tinggi. Ini merupakan tahap yang boleh dikawal dan perlu ditambah baik di masa akan datang supaya dapat menjadikannya faktor yang sentiasa tertinggi menyumbang ke arah minat pelajar.

Dalam mengejar pembangunan ekonomi, pendidikan seharusnya juga memberi pendedahan yang luas tentang senario ekonomi atau latar belakang mengenai perniagaan sejak awal iaitu di peringkat alam persekolahan lagi. Menurut Ishak Ramly (2003), kurikulum memberi gambaran kehidupan di persekitaran sekolah dan merealisasikan kehidupan selepas meninggalkan alam persekolahan. Matlamat dasarnya adalah mencapai kecemerlangan dan boleh memenuhi keperluan guna tenaga yang diperlukan.

Pengkaji berpendapat bahawa kejayaan pembudayaan keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti ditentukan oleh kurikulum Modul berkaitan keusahawanan yang ditawarkan, yang dilaksanakan sekarang dan juga kesepaduan yang diterapkan di peringkat atau medium lain. Secara keseluruhannya dari kenyataan yang telah dibincangkan jelaslah faktor kurikulum merupakan faktor yang penting dalam meningkatkan dan mempengaruhi minat pelajar terhadap bidang keusahawanan.




Rajah 4 : Kesesuaian Kandungan topik

### 3. Faktor Pengetahuan

Menghadiri kursus, seminar dan latihan

Jadual 8 Menghadiri kursus, seminar dan latihan

		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>
Valid	Kurang Setuju	13	36.1	36.1
	Setuju	11	30.6	30.6
	Sangat Setuju	12	33.3	33.3
	Total	36	100.0	100.0



Rajah 5 Pengetahuan, persekitaran

Dapat diperhatikan bahawa faktor pelajar menghadiri kursus, seminar dan latihan yang berkaitan dengan keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran dalam mengurus perniagaan merupakan faktor yang paling rendah menyumbang kepada kecenderungan pelajar terhadap bidang ini.

### Rumusan dan Cadangan

#### Peranan pensyarah

Pensyarah merupakan teras utama pendidikan di institusi pengajian tinggi. Pada peringkat awal seseorang pelajar hanya mempunyai minat semula jadi yang sedikit. Jadi apabila seseorang itu melangkah ke peringkat pengajian tinggi maka pensyarah juga berperanan untuk menyuburkan minat mereka. Lantaran itu, jika pensyarah dapat menimbulkan minat para pelajar dengan lebih mendalam maka pembelajaran dan pencapaian akademik akan lebih terjamin. Dapatan kajian juga telah membuktikan responden bersetuju bahawa pensyarah telah berjaya memberikan galakan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Ia menunjukkan perkembangan yang baik. Pensyarah juga merupakan insan yang menjadi tulang belakang dalam memberikan pengetahuan yang terkini dalam merealisasikan matlamat selaras dengan kemajuan negara. Secara amnya pelajar lebih mempercayai apa yang disampaikan oleh pensyarah, maka di sinilah peranan pensyarah dalam memupuk budaya keusahawanan terhadap pelajar bumiputera.

## Cadangan kepada Pelajar

Pelajar perlu memaksimumkan potensi diri. Sebagai bakal usahawan, pelajar tidak boleh berpuas hati dengan apa yang dicapai setakat hari ini sahaja. Mereka perlu meneruskan dan memaksimumkan usaha, kemahiran dan kemampuan diri bagi menjamin kelangsungan perniagaan yang mereka ceburi. Pelajar mesti sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan sebarang risiko dan juga ketidakpastian serta tahu tentang strategi dan taktik untuk menanganinya dan menjadikan sesuatu risiko dan ancaman itu sebagai satu peluang yang boleh menguntungkan.

## Cadangan Kepada Pengurusan

Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dicadangkan supaya menganjurkan Karnival Usahawan yang mungkin merupakan acara tahunan yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen. Menerusi Karnival ini para pelajar dapat diberi peluang untuk merasai pengalaman berniaga dan berhadapan dengan masyarakat umum serta cara berniaga yang sebenarnya. Tempoh perniagaan selama satu hari mungkin dianggap singkat, tetapi apa yang lebih penting menerusi karnival seperti ini para pelajar berpeluang untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

## Kesimpulan

Secara ringkas, kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2 adalah disebabkan beberapa faktor. Faktor yang paling tinggi ialah faktor kurikulum kerana menunjukkan jumlah min sebanyak 24.86 dan juga motivasi menunjukkan jumlah min yang hampir sama iaitu 24.13 manakala faktor yang paling rendah ialah faktor pengetahuan. Penyelidik berpendapat bahawa seseorang bakal usahawan perlu kreatif dan inovatif kerana aspek ini dapat membantu perniagaan atau perusahaan mereka berkembang dengan lebih pesat lagi kerana pelanggan sentiasa mahukan setiap produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh usahawan berada pada tahap yang memuaskan di samping mengikut peredaran masa. Ia membolehkan usahawan menghasilkan keluaran yang mempunyai kelainan daripada keluaran yang dihasilkan oleh pesaing. Dengan ini, keluaran yang dihasilkan akan terus kekal berada di dalam pasaran dan terus diminati oleh pelanggan. Kesimpulannya, semua pihak yang terlibat harus memainkan peranan masing-masing dan memberi perhatian serta mengambil langkah yang sewajarnya untuk terus membantu meningkatkan potensi pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah bergraduasi.

## Rujukan

- Chek Mat. 2000. *Pengurusan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hairunnaja Najmuddin. 2005. *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. PTS Professional: Publishing Sdn. Bhd.
- Ismail Abd Karim. 1995. *Usahawan express laluan usahawan cemerlang*. Kota Bharu: Al-Khafilah Enterprise.

- Ishak Ramli. 2003. Satu Tinjauan Terhadap Konsep dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia Merentasi Kurikulum Di Kalangan Guru Terlatih. *Seminar Latihan Mengajar Antara Universiti Ke-6*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Lambing, P.A. & Kuehl, C.R. 2003. *Entrepreneurship: Third Edition*. Prentice Hall. New Jersey.
- Lee, Shok Mee 1996. *Teori dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. 2006. *Bimbingan dan kerjaya (konsep dan amalan kontemporari)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Ali Embi. 2001. *Pendekatan pengurusan sumber manusia masa kini*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Othman. 2001. Persepsi Terhadap Faktor-faktor yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH dalam Bidang Keusahawanan. Kertas Kerja Tidak Diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Teal, E. J. & Carrol, A. B. 1999. Moral reasoning skills: Are entrepreneurs different? *Journal of Business Ethics*. 19: 229-240.
- Yep Putih. 1985. *Keusahawanan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.